

19 APR 1997

CADANGAN ROMBAK EXCO MELAKA TIDAK ADA KAITAN SIASATAN BPR

MELAKA, 19 April (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata cadangan untuk merombak portfolio anggota exco kerajaan negeri Melaka tidak ada kaitan dengan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap tiga anggota exco di sini.

Beliau berkata cadangan merombak portfolio itu merupakan proses biasa yang bertujuan memperkemas bilangan jawatankuasa yang disandang anggota exco.

Semasa mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa anggota exco yang disiasat BPR tidak perlu meletak jawatan, Mohd Zin berkata kenyataan itu sangat jelas maksudnya.

"Tiada sesiapa didapati bersalah apabila BPR menjalankan siasatan kerana siasatan oleh badan itu memang biasa dilakukan apabila mereka menerima aduan atau tuduhan," katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kovensyen tahunan Kelab Lion di sini, beliau berkata rombakan lapan anggota exconya akan diputuskan selepas berbincang dengan Perdana Menteri tidak lama lagi.

Ditanya pemberita sama ada ada anggota exco menyatakan hasrat meletak jawatan ekoran laporan siasatan BPR, Ketua Menteri berkata tiada sesiapa yang menyatakan hasrat seperti itu.

Selain tiga anggota exco di sini, lima yang lain masing-masing satu dari Johor, Selangor, Pahang, Kedah dan Sabah turut disiasat BPR kerana dakwaan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

-- BERNAMA

MOZ AHH